



كوفراسي فوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh : 1hb. February 2018

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

PEKELILING BERHUBUNG PERUBAHAN STRUKTUR HARGA

KOP PERUBATAN KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

1. LATARBELAKANG

1.1 Pekeliling ini merupakan lanjutan daripada pekeliling bertarikh 1hb. September 2017 di mana telah dimaklumkan berhubung perubahan struktur harga premium untuk Skim Insurans KOP Perubatan Koperasi Polis Diraja Malaysia bermula September 2017. Berbeza dengan struktur harga premium sebelumnya, struktur harga tersebut adalah berdasarkan julat umur peserta yang disesuaikan dengan risiko kesihatan yang bertambah dengan meningkatnya umur peserta. Walau bagaimanapun, bagi anggota yang menyertai KOP Perubatan sebelum September 2017, harga premium di kekalkan sehingga tamat tempoh polisi iaitu pada **28hb. Februari 2018**.

1.2 Pada 25hb. Januari 2018, Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad telah memutuskan untuk menyambung kontrak Sterling Insurance Brokers Sdn Bhd sebagai pengurus tadbir skim dan struktur harga September 2017 terpakai kepada semua peserta berkuatkuasa pada **1hb. Mac 2018**.

2. TUJUAN

2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua anggota KPDRM berhubung struktur harga premium Skim Insurans KOP Perubatan berkuatkuasa **1hb. Mac 2018**.

2.2 Anggota kini diberi pilihan untuk menyertai salah satu daripada 3 pelan yang ditawarkan samada Pelan Perak, Pelan Emas atau Pelan Platinum. (Sila rujuk Lampiran 1)

3. SKIM INSURANS KOP PERUBATAN 2018/2019

3.1 Mulai 1hb. Mac 2018, jadual premium dan manfaat mengandungi 3 pelan pilihan seperti di Lampiran 1 (Jadual Premium) dan Lampiran 2 (Jadual Manfaat).

3.2 Pengurus tadbir skim ini ialah Sterling Insurance Brokers Sdn Bhd.

3.3 Skim ditaja jamin secara bersama oleh MPI Generali Insurance Berhad dan Etiqa Takful Berhad.

3.3 Skim mengekalkan Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (AAN) sebagai pentadbir pihak ketiga yang akan menguruskan pengeluaran surat jaminan dan kemasukkan ke hospital bagi peserta-peserta skim.

4. TERMA DEDUKTIBEL (*DEDUCTIBLE*)

4.1 Deduktibel ialah terma yang mensyaratkan anggota membayar satu jumlah tertentu daripada bil rawatan setiap kali kemasukkan ke hospital. Bayaran di buat semasa anggota / tanggungan keluar dari hospital. Terma ini di wujudkan oleh pihak penanggung insurans bagi mengurangkan penyalah-gunaan manfaat oleh segelintir anggota.

4.2 Terma deduktibel di bawah terpakai bagi Skim Insurans KOP Perubatan berkuatkuasa mulai 1hb. Mac 2018.

4.3 Deduktibel yang dikenakan adalah seperti berikut :-

- RM100.00 bagi anggota / tanggungan yang berumur 50 tahun dan ke bawah.

- RM200.00 bagi anggota / tanggungan yang berumur 51 – 60 tahun.
- RM350.00 bagi anggota / tanggungan yang berumur 61 – 70 tahun.

4.4 Deduktibel dikecualikan bagi kes kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

4.5 Deductibel juga dikecualikan bagi kemasukkan ke hospital-hospital kerajaan.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Struktur perubahan harga premium dan manfaat berkuatkuasa mulai **1hb. Mac 2018**.

6. MAKLUMAN KEPADA PESERTA SKIM INSURANS KOP PERUBATAN

6.1 Sehubungan dengan perkara ini, kami pohon khidmat tuan/puan untuk menghebahkan kandungan pekeliling ini kepada anggota-anggota di daerah tuan/puan terutamanya peserta sedia ada yang mencarum di bawah Skim Insurans KOP Perubatan.

6.2 Semua penyertaan sedia ada diletakkan di bawah Pelan Perak. Bagi anggota yang berhasrat untuk mencarum di dalam pelan manfaat yang lebih tinggi, sila tandakan (✓) di kotak berkenaan seperti borang yang disertakan di Lampiran 3. Pelan yang dipilih akan berkuatkuasa 2 bulan dari tarikh penerimaan borang tersebut.

6.3 Sekiranya ada di kalangan anggota yang tidak berhasrat untuk meneruskan penyertaan di dalam skim ini, sila penuhkan butiran diri borang penamatan skim seperti di Lampiran 4 dan majukan kepada Cawangan Insurans (Faks 03-9212-8440/Email : insurans@kpd.com.my) pada atau sebelum **10hb. Mac 2018**.

6. RUMUSAN

6.1 Kadar premium yang ditawarkan di bawah Skim KOP Perubatan ini adalah merupakan kadar yang terbaik yang dapat ditawarkan oleh pihak penanggung insurans jika dibandingkan dengan manfaat yang ditawarkan. Kenaikan premium skim ini tidak dapat dielakkan disebabkan jumlah tuntutan yang tinggi dan peningkatan kos perubatan. Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad sentiasa berusaha untuk mendapatkan harga yang terbaik bagi anggota, namun faktor tren industri serta rekod tuntutan lampau yang tinggi tetap menjadi faktor penentu harga premium yang ditawarkan.

6.2 Struktur harga baru kini mengikut umur peserta yang disesuaikan dengan tahap risiko. Anggota yang berumur melebihi 40 tahun dikenakan premium yang lebih tinggi berbanding premium sebelumnya. Namun anggota yang berumur kurang dari 40 tahun akan menikmati kadar premium yang lebih rendah.

6.3 Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan kami di pohon untuk menghebahkan perkara ini kepada anggota di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
Setiausaha

s.k 1. Pengerusi
2. Anggota Lembaga Koperasi

LAMPIRAN 1

**JADUAL PREMIUM
SKIM INSURANS KOP PERUBATAN
(1/3/2018 – 28/2/2019)**

	PELAN PERAK		PELAN EMAS		PELAN PLATINUM	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
KADAR BAGI AHLI / PASANGAN	Ahli	Pasangan	Ahli	Pasangan	Ahli	Pasangan
Kurang dari 25 tahun	44.52	54.06	57.24	68.90	66.78	80.56
26 – 30 tahun	49.82	59.36	64.66	77.38	74.20	89.04
31 – 35 tahun	55.12	65.72	72.08	86.92	82.68	99.64
36 – 40 tahun	74.20	89.04	96.46	115.54	111.30	133.56
41 – 45 tahun	93.28	112.36	120.84	145.22	139.92	167.48
46 – 50 tahun	110.28	132.50	143.10	171.72	164.30	197.16
51 – 55 tahun	148.40	178.08	192.92	231.08	222.60	267.12
56 – 60 tahun	181.26	217.30	235.32	283.02	271.36	325.42
61 – 65 tahun (pembaharuan sahaja)	254.40	305.28	330.72	397.50	380.54	456.86
66 – 70 tahun (pembaharuan sahaja)	309.52	371.00	402.80	483.36	463.22	556.50
KADAR BAGI ANAK (berumur 15 hari - 25 tahun)						
Bilangan Anak 1 – 4 orang		137.80		165.36		190.80
Tambahan bagi setiap anak		37.10		44.52		50.88

LAMPIRAN 2

JADUAL MANFAAT SKIM

MANFAAT HOSPITAL	PELAN PERAK	PELAN EMAS	PELAN PLATINUM
MANFAAT HOSPITAL			
Bilik dan Penginapan Hospital (Maksimum sehingga 150 hari)	RM 180	RM 250	RM 280
Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran ganti penuh dengan had RM 50,000	Bayaran ganti penuh dengan had RM 80,000	Bayaran ganti penuh dengan had RM100,000
PROSIDUR RAWATAN DAN PEMBEDAHAN			
Bayaran Pembedahan	Bayaran Ganti Penuh Dengan Had RM 50,000	Bayaran Ganti Penuh Dengan Had RM 80,000	Bayaran Ganti Penuh Dengan Had RM100,000
Bayaran Bilik Pembedahan			
Bayaran Pakar Bius			
Ujian Diagnostik Prahospital & Rundingan Pakar Prahospital (mengakibatkan kemasukan hospital dalam tempoh 90 hari)			
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum 2 kali lawatan sehari sehingga maksimum 150 hari)			
Bekalan dan Perkhidmatan Hospital			
Prosidur & Surgeri Penjagaan Harian			
Pendapat Pakar Kedua (dengan rujukan dari doktor – dalam masa 90 hari sebelum kemasukan ke hospital)			
Ubat yang DiPreskripsikan (sehingga 150 hari semasa dihospital & maksimum 90 hari selepas keluar hospital)			
Rawatan selepas kemasukan Hospital (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)	RM 1,200	RM 1,400	RM 1,600
Bayaran Ambulans	RM 200	RM 400	RM 600
Elaun Tunai Bagi Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Sehingga 150 hari)	RM 200	RM 220	RM 250
Laporan Perubatan	RM 100	RM 200	RM 300
Cukai Barangan & Perkhidmatan	6% seperti yang ditetapkan oleh kerajaan		

LAMPIRAN 2 (samb.)

MANFAAT RAWATAN PESAKIT LUAR			
Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (dalam masa 24 jam selepas kemalangan)	RM 1,750	RM 2,000	RM 2,300
Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (maksimum 14 hari tempoh susulan)	RM 500	RM 750	RM 1,000
Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Penyakit (dari 12 tengah malam hingga 6 pagi)	RM 500	RM 750	RM 1,000
MANFAAT TAMBAHAN			
Perbelanjaan Pengkebumian untuk Ahli yang Dilindungi (Sebarang Kematian Akibat Kemalangan – Ahli Sahaja)	RM 3,000	RM 4,000	RM 5,000
Elaun Kelahiran Cahayamata (setiap kelahiran) bagi setiap wanita yang dilindungi dibawah skim ini sahaja	RM200	RM 300	RM 400
HAD TAHUNAN KESELURUHAN	RM 50,000	RM 80,000	RM 100,000

Nota :

1. Terma Deduktibel

Bayaran yang dikenakan kepada peserta setiap kali memasuki hospital (kecuali kes kemalangan dan memasuki hospital kerajaan) :-

RM100.00 - umur peserta antara 15 hari – 50 tahun

RM200.00 - umur peserta antara 51 tahun – 60 tahun

RM350.00 - umur peserta antara 61 tahun – 70 tahun

2. Terma Bayaran Bersama (Co-Payment)

Caj bilik / penginapan melebihi had manfaat tertakluk kepada bayaran bersama (co-payment) sebanyak 20% daripada keseluruhan bil rawatan yang akan dikenakan kepada peserta. Pengecualian co-payment hanya dibenarkan bagi kes naik taraf bilik sehingga RM250 sahaja.

**PERMOHONAN MENAIK TARAF PELAN
SKIM INSURANS KOP PERUBATAN
(1/3/2018 – 28/2/2019)**

.....
(No. Ahli / No. Polis)

.....
(Nama Anggota)

.....
(Alamat Anggota)

.....
.

.....

Saya dengan ini mengesahkan untuk menaik taraf pelan Skim Insurans KOP Perubatan seperti berikut (*sila tandakan ✓ pada yang berkenaan*):-

Pelan Emas (*Bilik RM250 / Had Tahunan 80,000*)

Pelan Platinum (*Bilik RM280 / Had Tahunan RM100,000*)

.....
(tanda tangan)

.....
(Tarikh)

Borang ini boleh dimajukan kepada
Cawangan Insurans, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad melalui :-
Faks :03-9212-8440
Email : insurans@kpd.com.my

**MAKLUMAT PENAMATAN
SKIM INSURANS KOP PERUBATAN
(1/3/2018 – 28/2/2019)**

.....
(No. Ahli / No. Polis)

.....
(Nama Anggota)

.....
(Alamat Anggota)

.....
.

.....

Saya dengan ini mengesahkan untuk menamatkan penyertaan saya dan tanggungan dalam Skim Insurans KOP Perubatan disebabkan peningkatan harga premium bagi tempoh di atas.

.....
(tanda tangan)

.....
(Tarikh)

Borang ini boleh dimajukan kepada
Cawangan Insurans, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad melalui :-
Faks : 03-9212-8440
Email : insurans@kpd.com.my